

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama

Sidang Akademik 1996/97

Oktober/November 1996

**HKN 303 Kesusasteraan Bercorak Islam di Nusantara**

Masa: [3 jam]

---

KERTAS PEPERIKSAAN INI MENGANDUNGI LAPAN [8] SOALAN DI DALAM EMPAT [4] HALAMAN.

Jawab EMPAT [4] soalan sahaja.

1. Pengarang Inilah Hikayat Nur Muhammad telah menggabung jalin kepercayaan agama, cerita-cerita asal usul, dan watak-watak sejarah di dalam satu kisah simbolis sebagai puncaran rasa kagumnya terhadap peribadi insan kamil, Muhammad s.a.w. Berdasarkan kepada binaan teks yang tersebut di atas, bincangkan kebenaran pernyataan tersebut.
2. Apakah teknik utama penulisan yang terdapat di dalam Qisas al-Anbiya' atau Surat al-Anbiya' seperti yang dapat dikaji daripada cerita-cerita mengenai Nabi Allah Ibrahim dan Nabi Allah Musa. Bincangkan tentang kebebasan dan had-had yang terpaksa dihadapi oleh pengarang kedua-dua teks tersebut. Dengan alasan-alasan yang kuat, rumuskan apakah kedua-dua teks tersebut merupakan kitab agama atau karya kesusasteraan?
3. Kisah-kisah mengenai Nabi Allah Yusuf walaupun pada dasarnya berasal daripada "Surat Yusuf" dari Al-Qur'an, pada hakikatnya telah mengalami pelbagai perubahan. Bicarakan tentang proses dan kesan-kesan transformasi daripada satu pengajaran agama kepada karya kesusasteraan.
4. Buat satu analisis dan kritikan terhadap Hikayat Amir Hamzah. Apakah ciri-ciri utama yang membolehkan anda merumuskan ia sebagai sebuah epik kesusasteraan bercorak Islam dan bukan sebuah epik peribumi Melayu.

5. Dengan mengambil salah sebuah karya daripada cerita-cerita para sahabat Nabi dan cerita-cerita mengenai orang-orang saleh, bincangkan mengapa kedua-dua jenis karya itu dari sudut dalamannya berbeza di antara satu sama lain, tetapi pada dasarnya mempunyai tujuan yang sama.
6. Tidak dapat dinafikan Hikayat Malik Saif al-Lizan merupakan sebuah roman. Walau bagaimanapun, ia mempunyai motif-motif yang jelas menunjukkan sifat-sifat keislaman yang kuat.  
Dengan contoh-contoh yang jelas daripada teks berkaitan, bincangkan pernyataan di atas.
7. Pada keseluruhannya, karya-karya bercorak Islam memberi tempat yang sewajarnya bagi watak wanita sesuai dengan kedudukan wanita dari kacamata Islam. Di dalam konteks ini pengarang Syair Siti Zubaidah Perang China telah meletakkan Siti Zubaidah pada tahap yang teristimewa.  
Buat satu kritikan terhadap pernyataan di atas. Selanjutnya huraikan bagaimana pengarang mengolah watak istimewa ini.
8. Berdasarkan petikan daripada Ruba'i Hamzah Fansuri (lihat lampiran), beri huraian mengenai perkara-perkara di bawah:
  - [a] Ketokohan penulisnya.
  - [b] Syair sebagai alat penyampaiannya.
  - [c] Pengaruh sufism terhadap corak ekspresi pengarang.
  - [d] Maksud isi.

**LAMPIRAN**

Nurani itu terlalu zahir,  
Bernama Ahmad dari cahaya satir,  
Penjuru alam keduanya hadir,  
Itulah makna awal dan akhir.

Awal dan akhir asmanya jarak,  
Zahir dan batin warnanya banyak,  
Sungguhpun dua ibu dan anak,  
Keduanya cahaya di sana banyak.

Yugia kau pandang kapas dan kain,  
Keduanya wahid asmanya lain,  
Wahidkan hendak zahir dan batin,  
Itulah ilmu kesudahannya main.

Anggamu itu asalnya tahir,  
Batinnya arak zahirnya takir,  
Lagi kau saqi lagi kau sakir,  
Itulah Mansyur menjadi nazir.

Hunuskan mata tunukan sarung,  
Isbatkan Allah nafikan patung,  
Laut tauhid yugia kau harung,  
Itulah ilmu tempat bernaung.

Rupamu zahir kau sangka tanah,  
Itulah cermin sudah terasah,  
Jangan kau pandang jauh berpayah,  
Mahbubmu hampir serta ramah.

Kerjamu mudah periksamu kurang,  
Kau sangka tasbih membilang tulang,  
Ilmumu baharu berorang-orang,  
Lupakan fardu yang sedia hutang.

LAMPIRAN

Jauharmu lengkap dengan tubuh,  
Warnanya nyala seperti suluh,  
Lupakan nafsu yang sedia musuh,  
Manakan dapat adamu luruh.

Jauhar yang mulia sungguhpun sangat,  
Akan orang muda kasih akan alat,  
Akan ilmu Allah hendak kau perdapat,  
Mangkanya sampai pulangmu rahat.

-oo000oo--